



■ IMBAS KEMBALI...Eman Manan (kanan) sedang beraksi menentang Zulkifli Zain dalam filem 'Matinya Seorang Patriot'.

PELAKON Lelaki Terbaik 1985, Eman Manan akan mengetua barisan pesilat artis negara mengadakan pertunjukkan dalam Kejuaraan Silat Dunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini, lapor RAHIME YUSOF. Yang lain ialah Zulkifli Zain, Moktaruddin, Tamin Idris dan Hussin Abu Hassan. Setiausaha Pesaka, A Rahman Hassan, berkata pertunjukkan silat dari artis itu sudah dikemukakan kepada Indonesia dan mendapat persetujuan. **INAIK KUT**

Katanya, Indonesia pula sedia membawa artis silat negara itu dan dijangka diketuai oleh W D Mokhtar dan Barry Prima. **16 OCT 1987**
Setakat ini Pesaka belum berunding dengan artis-artis berkenaan, tetapi kemungkinan besar mereka bersetuju menjayakan pertunjukkan itu.

Rahman berkata: "Saya akan berunding dengan mereka tidak lama lagi agar mereka dapat berlatih dan memperkenan persembahan menarik nanti."

Menurutnya, selama ini masyarakat menganggap

artis yang mengayakan silat dalam lakonan hanya melakukan persembahan dalam filem sahaja.

"Sebenarnya mereka juga Di samping itu tambah A Rahman, dengan adanya pertunjukkan itu akan membuka mata pengusaha-pengusaha filem tempatan menggunakan pesilat-pesilat kebangsaan dalam industri profileman negara.

Katanya, di Indonesia pengusaha-pengusaha filemnya membuka peluang luas ke-

pada jaguh-jaguh silat untuk membawa watak 'Wira' dalam sebuah filem silat.

"Ini boleh dilakukan di negara ini jika pengusaha-pengusaha filem menerima hakikat itu," jelasnya.

A Rahman menjelaskan, artis tempatan seperti Eman Manan dan Zulkifli Zain berjaya menguasai persilatan dengan baik seperti yang dilakukan dalam filem 'Matinya Seorang Patriot'. Begitu juga dengan Moktharuddin adalah se-

**Eman
Manan
ketuai
barisan
pesilat
artis**

B. Marjan (M)

orang guru silat yang berjaya di utara.

Bagaimanapun katanya, Malaysia mungkin tidak dapat mengemukakan artis wanita untuk tujuan itu kerana ketandusan bakat dikalangan mereka berbanding Indonesia.

Beliau menerangkan, pertunjukkan silat dikalangan artis dua negara itu bertujuan memberi peluang kepada peminat-peminat jaguh silat profileman itu menyaksikan lebih dekat lagi gaya persilatan mereka.